

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JULY 2017

Mahathir jadi PM - ^{UM} 27/7/2017 'angan-angan'

SHAH ALAM 26 Julai - Cita-cita Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadi Perdana Menteri hanya sekadar angan-angan apabila PKR dan DAP dilihat tidak akan memberikan sokongan termasuk laluan mudah kepadanya untuk menduduki jawatan itu.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Selangor, Datuk Nor Hayati Onn

(gambar) berkata, walaupun Mahathir dilantik sebagai Pengerusi Pakatan



Harapan yang diketuai DAP, namun pemimpin tertinggi PKR dan DAP berkemungkinan tidak akan membenarkannya menjadi Perdana Menteri walaupun gabungan pembangkang itu berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Sebaliknya, beliau yakin DAP dan PKR hanya sekadar mahu mendapatkan pengaruh bekas Perdana Menteri itu untuk meraih sokongan pengundi khususnya dalam kalangan orang Melayu.

"Saya percaya PKR dan DAP sebenarnya tahu bahawa Dr. Mahathir mempunyai agendanya tersendiri. Malah, kepimpinan PKR dan DAP tahu bahawa kewujudan Dr. Mahathir dalam gabungan pembangkang itu hanya akan mengucar-kacirkan lagi keadaan mereka.

"Walaupun mereka menyokong Mahathir dalam Pakatan Harapan, namun adalah mustahil mereka akan menyokongnya sebagai calon Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Nor Hayati turut mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan permainan politik gabungan pembangkang itu yang hanya mahukan undi bagi mencapai matlamat peribadi masing-masing.